

Pantang Larang Tradisional di Kalangan Masyarakat Melayu

Noor Hasimah M. Yacob^{1*}, Nor Hawani Wan Abdul Rahman²,
Yuzainizam Yusop³, Sabariah Jamaluddin⁴

^{1,2,3,4}Faculty of Accountancy, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia
noorhasimah@pahang.uitm.edu.my, norhawani@pahang.uitm.edu.my
yuzainizam@pahang.uitm.edu.my, sabariahj@pahang.uitm.edu.my

*Penulis Rujukan

Abstrak: Masyarakat Melayu merupakan golongan masyarakat yang kaya dengan adat resam, petua dan pantang larang yang sejak turun temurun telah menjadi sebahagian daripada gaya hidup mereka. Mereka hidup berpegangkan kepercayaan ini dan ia dijadikan panduan dalam kehidupan sehari-hari. Kertas kerja ini adalah bersifat kertas kerja konsep berkenaan dengan pantang larang yang diamalkan di dalam masyarakat melayu. Ia bertujuan untuk mendalamai pelbagai jenis pantang larang yang diamalkan dan seterusnya melihat unsur-unsur nilai murni dan pengajaran yang ingin disampaikan oleh pantang larang tersebut. Ia juga bertujuan untuk menilai sama ada ia masih relevan atau tidak di dalam kehidupan masyarakat melayu moden ini. Hasil daripada penelitian menunjukkan amalan pantang larang tersebut mempunyai nilai-nilai murni dan pengajaran yang baik kepada masyarakat. Ada di antara pantang larang tradisional ini dilihat masih lagi relevan dan boleh dijadikan panduan dalam menjalani kehidupan sehari-hari dalam masyarakat melayu moden masakini.

Kata Kunci: Melayu, Nilai murni, Pantang larang

1. Pengenalan

Masyarakat Melayu terkenal dengan pelbagai warisan budaya yang unik dan tersendiri. Warisan budaya ini diamalkan dalam kehidupan sehari-hari dan dikembangkan dari satu generasi ke satu generasi. Menurut Perlumbagaan dalam perkara 160 (2), orang Melayu ditakrifkan sebagai 1) seorang yang beragama Islam; 2) bertutur bahasa Melayu; dan 3) mengamalkan adat istiadat Melayu (Din dan Sani, 2014). Kamus Dewan (2007) mendefinisikan budaya sebagai kemajuan fikiran, akal budi, cara berfikir, berkelakuan dan sebagainya. Din dan Sani (2014) turut memperincikan budaya sebagai suatu cara hidup yang diamalkan oleh kumpulan tertentu dan meliputi sistem sosial, susunan organisasi ekonomi, politik, agama, kepercayaan, adat resam, sikap dan nilai. Secara keseluruhannya, masyarakat Melayu adalah masyarakat unik yang mempunyai ciri-ciri tersendiri daripada aspek identiti, dialek bahasa serta pengamalan budaya hidup dalam kehidupan sehari-hari.

Menurut Abdul Wahab (2013), masyarakat Melayu kaya dengan kepercayaan dan amalan turun temurun yang menjadi sebahagian daripada peraturan sosial dan dikongsi bersama dalam kehidupan bermasyarakat. Kepercayaan dan amalan ini adalah sebahagian dari pelbagai warisan budaya yang diamalkan dan ia dimanifestasikan melalui pantang larang yang perlu dipatuhi oleh masyarakat melayu. Pantang larang ini terhasil daripada pengalaman hidup yang lampau dan diturunkan secara lisan dari satu generasi ke satu generasi. Kamus Dewan (2007) mendefinisikan pantang larang sebagai sesuatu yang dilarang melakukannya menurut adat atau kepercayaan. Masyarakat Melayu dahulu kala percaya bahawa sekiranya pantang larang itu dilanggar, ia akan menyebabkan berlakunya sesuatu yang buruk kepada pelakunya. Kepercayaan ini terus diterapkan dari satu generasi ke satu generasi. Orang-orang tua dahulu selalu mengingatkan anak cucunya supaya tidak melanggar pantang larang. Walaubagaimanapun, seiring dengan peredaran zaman, ada di antara pantang larang ini sudah dilupakan dan sesetengahnya sudah tidak lagi diamalkan. Ini mungkin disebabkan oleh sesetengah akibat hasil daripada melanggar pantang larang itu dirasakan tidak berpijak di bumi nyata dan lebih bersifat tahuyl dan khurafat.

Pantang larang ini sebenarnya bertujuan untuk mendidik masyarakat, khususnya generasi muda agar dapat menerapkan nilai-nilai murni dalam kehidupan sehari-hari. Walaupun akibat daripada melanggar pantang larang itu dilihat tidak berpijak di bumi nyata dan tidak logik, maksud tersirat yang tersembunyi di sebalik larangan itu sebenarnya mempunyai nilai-nilai murni yang tersendiri yang wajar dihayati oleh generasi muda masa kini. Nilai-nilai murni ini dikatakan dapat memberikan pendidikan secara langsung atau tidak langsung untuk kesejahteraan masyarakat secara umumnya. Nilai murni dapat didefinisikan sebagai perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila seseorang individu dalam hubungannya sesama manusia, alam dan hutan (Mohd Noordin, 2003). Unsur-unsur nilai yang ditemukan seperti bersopan santun, hormat menghormati, bersabar, berhati-hati, berwaspada, kasih sayang, berakhhlak mulia, berbudi pekerti, menjaga kebersihan diri, menjaga kesihatan diri dan sebagainya.

Secara khususnya, kertas kerja ini adalah bersifat kertas kerja konsep berkenaan dengan pantang larang yang diamalkan di dalam masyarakat melayu. Ia bertujuan untuk mendalami pelbagai jenis pantang larang yang diamalkan dan seterusnya melihat unsur-unsur nilai murni dan pengajaran yang ingin disampaikan oleh pantang larang tersebut. Ia juga bertujuan untuk menilai sama ada ia masih relevan atau tidak di dalam kehidupan masyarakat melayu moden ini.

2. Jenis-jenis Pantang Larang

Masyarakat Melayu adalah masyarakat yang berpegang teguh dan sentiasa mengamalkan adat dan budaya Melayu yang diwarisi dari turun temurun. Menurut Abdul Rahim (2009), masyarakat Melayu ialah antara bangsa yang masih terikat dengan pantang larang yang diwarisi secara turun temurun meskipun mereka sedang menempuh kehidupan pada alaf ketiga dan sedia menerima pembaharuan. Mungkin itulah sebabnya sehingga sekarang sesetengah adat dan pantang larang ini masih lagi diperkatakan dan diamalkan. Antaranya ialah pantang larang untuk ibu hamil, bapa, untuk bayi, kanak-kanak, anak dara dan semasa makan.

2.1 Pantang Larang Ibu Hamil

Ibu hamil juga tidak terlepas daripada pelbagai pantang larang orang tua-tua dahulu kala. Dalam kajian mengenai pantang larang masyarakat Melayu Sarawak, Abdul Wahab (2013) menyatakan ibu hamil tidak boleh duduk di kepala tangga kerana berkemungkinan akan menyebabkan anak yang dilahirkan akan mengikut perangai ibunya yang buruk. Hakikat sebenar pantang larang ini ialah ibu hamil tidak boleh duduk di tangga kerana ia akan membahayakannya. Ibu hamil hendaklah berhati-hati memilih tempat duduknya dengan memilih kawasan yang lebih selamat dan selesa. Ibu hamil juga dilarang menyusup di bawah ampaian kerana ditakuti anak akan terencat akalnya. Rasionalnya adalah disebabkan penyidai kain biasanya rendah, maka dikhuatiri ibu hamil tersebut akan tersadung dan boleh membahayakan kandungan.

Omar (2014) juga menyatakan ibu yang hamil tidak boleh berada di luar rumah selepas maghrib dan tidur di waktu senja kerana ditakuti akan digangu makhluk halus serta boleh menyebabkan kemurungan. Kesemua pantang larang ini sebenarnya adalah untuk mendidik ibu hamil tersebut. Kewajaran di sebalik pantang larang ini ialah waktu senja atau waktu maghrib adalah waktu untuk beribadat kepada Allah. Sekiranya ibu hamil keluar di waktu maghrib mungkin akan menyebabkan ibu tersebut terlepas solat maghrib. Pantang larang ini juga dibincangkan oleh Din dan Sani (2014) dalam isu-isu kebudayaan Melayu.

Ibu hamil juga dilarang makan sotong kerana dikhuatiri akan mengalami kesulitan ketika melahirkan anak. Meminum minuman sejuk dan melihat gerhana matahari juga adalah sebahagian dari larangan orang tua-tua dahulu kala. Dari segi pemikiran logik dan krasionalan, patang larang ini mempunyai pengajarannya (Omar, 2014). Ibu hamil tidak digalakkan makan sotong kerana sotong mengandungi banyak toksik dan ini boleh mempengaruhi kesihatan ibu tersebut. Begitu juga meminum minuman sejuk boleh menyebabkan selsema dan melihat

gerhana matahari tanpa menggunakan cermin mata khas bolch mengakibatkan kerosakan pada mata.

Ibu hamil juga dilarang mencaci atau menceritakan mengenai kecacatan orang lain kerana dikhuatiri anak yang bakal dilahirkan juga akan cacat. Mereka juga dilarang bergaduh dengan ibu mertua kerana dikhuatiri akan mengalami kesulitan ketika melahirkan anak. Menurut Omar (2014), dari sudut pemikiran logik pantang larang ini dilihat lebih kepada mendidik ibu hamil supaya sentiasa menjaga tutur kata agar tidak melukakan hati orang lain. Ia juga untuk menjaga keharmonian sesebuah keluarga terutamanya bagi ibu hamil yang tinggal bersama mertuanya. Semua pantang larang untuk ibu hamil ini adalah bertujuan untuk mendidik ibu hamil supaya berkelakuan baik dan seterusnya akan memberikan contoh dan teladan yang baik kepada anak yang dikandungnya.

Selepas bersalin pula, ibu yang baru melahirkan anak perlu berpantang selama 44 hari kerana ditakuti akan menyebabkan bentan. Bentan bermaksud berbalik sakit di mana sekiranya seseorang itu tidak berpantang dengan betul, sakit yang pada awalnya sudah semakin sembuh akan bertambah buruk dan melarat. Semasa berpantang, ibu yang baru bersalin hendaklah menjaga setiap pergerakan dan makan minum bagi memastikan ibu tersebut sihat sepenuhnya dari luka dalaman disebabkan melahirkan anak. Dari sudut pemikiran logiknya, ibu yang baru bersalin seharusnya menjaga pemakanan dan hendaklah berehat secukupnya bagi memastikan badan yang lemah akibat melahirkan anak itu kembali pulih. Semasa bersalin, ibu tersebut telah kehilangan banyak tenaga dan mengalami luka dalaman. Pantang larang ini boleh membataskan pergerakan ibu tersebut dan membantu ibu mendapat rehat yang secukupnya. Ibu juga boleh menggunakan tempoh tersebut untuk menumpukan sepenuhnya perhatian kepada anak yang baru dilahirkan tanpa perlu memikirkan tugas-tugas dan urusan rumahtangga yang lain.

Sepanjang tempoh berpantang, ibu yang baru bersalin dilarang memakan makanan berminyak dan menyebabkan kegatalan seperti udang, sotong, telur, ayam dan lain-lain. Ianya boleh menyebabkan luka yang dialami lambat sembuh. Makanan sejuk dan berangin juga adalah dilarang seperti ais batu, nangka, pulut, petai dan laksa. Sesetengah makanan juga dikatakan berbisa seperti ikan tongkol, pisang berangan dan sebagainya. Namun, makanan tersebut perlulah diganti dengan makanan lain daripada kumpulan makanan yang sama bagi memastikan zat makanan tersebut dapat diperolehi (www.myhealth.gov.my).

Walaubagaimanapun, biasanya pantang larang berkaitan dengan pemakanan ini semakin berkurangan selepas hari ke-20. Ibu-ibu boleh mencuba serba sedikit makanan yang dilarang tadi. Sekiranya selepas memakan makanan tersebut, ibu-ibu merasa kelainan pada badan mereka seperti sejuk sendi atau seakan-akan ingin demam, sebaiknya ibu-ibu hendaklah mengelakkan makan makanan tersebut buat seketika. Walau bagaimanapun, daripada segi perubatan dan kajian saintifik, tiada yang membuktikan bahawa makanan-makanan ini akan memberi kemudaratan kepada ibu lepas bersalin dan perlu dielakkan. Oleh yang demikian, ia bergantung kepada kepercayaan ibu itu sendiri sama ada untuk mengamalkan pantang-larang ini. Namun kunci utama iaitu pengambilan makanan yang seimbang dan sihat perlulah dipatuhi untuk kekal sihat.

Jika diteliti semua pantang larang untuk ibu bersalin, ianya bertujuan untuk menjaga kesihatan mental dan fizikal ibu tersebut. Ia juga mendidik ibu tersebut bersikap sabar dan menyayangi diri sendiri dengan cara menjaga kesihatan diri sepanjang tempoh berpantang. Ibu-ibu perlu menahan nafsu makan demi untuk menjaga kesihatan diri dan bayi. Ibu yang baru bersalin juga tidak boleh berada dalam keadaan tertekan sepanjang tempoh berpantang.

Walaubagaimanapun, pemakanan yang baik serta rehat yang cukup merupakan kunci utama untuk membolehkan wanita terus kekal sihat selepas bersalin. Oleh itu tiada halangan jika ibu ingin mengamalkan pantang-larang dalam pemakanan tetapi kunci utamanya adalah diet yang seimbang dan makan secara sihat (www.myhealth.gov.my).

2.2 Pantang Larang Seorang Bapa

Sebagai seorang bapa, ada juga pantang larang yang perlu dipatuhi untuk mengelakkan sesuatu yang tidak elok berlaku kepada anak-anak kecil atau anak yang masih dalam kandungan ibunya. Walaubagaimanapun, menurut Omar (2014), pantang larang untuk bapa adalah tidak sebanyak pantang larang untuk ibu hamil. Antaranya ialah bapa tidak dibenarkan membunuh binatang terutamanya ular, monyet dan anjing. Ianya dipercayai akan mengakibatkan badi binatang tersebut akan terkena anaknya dan dikhawatir anak yang bakal lahir itu bibirnya terbelah, kenan atau mengalami kecacatan (Afiqah, 2009). Nilai dan pengajaran yang boleh diperolehi dari pantang larang ini ialah ianya bertujuan untuk mendidik masyarakat supaya tidak melakukan penderaan kepada binatang. Ia juga mendidik seseorang itu tidak bersikap kejam dan zalim.

Bapa yang sering pulang ke rumah di waktu malam juga dilarang terus masuk ke dalam rumah kerana dipercayai ada hantu atau makhluk halus yang mengikutnya. Bapa dinasihatkan berhenti sebentar di luar rumah bagi mengelirukan hantu tersebut. Rasionalnya larangan ini ialah supaya bapa tersebut dapat bertengang terlebih dahulu sebelum memasuki rumah terutamanya ketika bapa dalam keadaan marah dan baran (Omar, 2014). Bapa hendaklah bersikap tenang dan sabar untuk mengelakkan sebarang ketegangan berlaku dalam keluarga.

Sebagai seorang lelaki, bapa juga hendaklah menjaga kelakuannya. Semasa dalam perjalanan, bapa dilarang buang air kecil di atas busut kerana dipercayai kemaluannya akan menjadi buruk (Omar, 2014). Din dan Sani (2014) juga menyatakan seseorang itu dilarang membuang air kecil di merata-rata tempat. Dari sudut nilai murni yang ingin disampaikan oleh orang tua-tua adalah kita hendaklah saling menghormati dan sentiasa menjaga adab sopan, bukan saja sesama manusia tetapi juga makhluk lain yang ada di muka bumi ini yang tidak boleh dilihat dengan mata kasar. Busut sentiasa dikaitkan dengan tempat tinggal makhluk halus. Oleh itu, adalah tidak baik untuk kita mengganggu kehidupan makhluk lain. Pantang larang ini juga mendidik seseorang itu menjaga kebersihan dan kesihatan diri serta menjaga maruah diri sendiri. Adalah tidak elok sekiranya kita membuang air kecil tidak kira di busut atau di tempat-tempat lain.

Bapa adalah ketua sebuah keluarga dan adalah menjadi tanggungjawab seorang bapa itu untuk mendidik dan mencorakkan keluarganya menjadi sebuah keluarga yang harmoni, mengamalkan adab sopan dan mengamalkan ajaran islam. Oleh itu, bapa hendaklah menunjukkan teladan yang baik dan menjadi contoh kepada isteri dan anak-anaknya.

2.3 Pantang Larang untuk Bayi

Omar (2014) membincangkan mengenai beberapa pantang larang yang turun temurun dikenakan ke atas bayi seperti orang dewasa tidak boleh duduk di hujung kepala bayi kerana dikhawatir bayi akan terkena sawan, tidak boleh dibawa berjalan di waktu senja ditakuti akan dirasuk hantu atau jembalang. Bayi juga tidak boleh dicium sewaktu sedang tidur terutamanya pada ubun-ubun dan pusatnya kerana dipercayai bayi tersebut akan pendek umur. Tembuni bayi juga tidak boleh dibuang merata-rata kerana dikhawatir bayi akan menangis mencari saudara kandungnya. Sekiranya kita melihat bayi sedang tidur sambil tersenyum, adalah dilarang mengejutkannya kerana dipercayai bayi sedang bermain dengan urinya. Ibubapa juga tidak digalakkan menghabiskan sisa makanan bayi kerana ditakuti bila besar nanti anak-anak itu akan melawan cakap ibubapanya.

Sesetengah pantang larang itu kadang dirasakan tidak logik dan tidak patut diikuti. Tetapi bila difikirkan ada baiknya juga kita mengikut pesanan orang tua-tua dahulu kala bagi menjaga keharmonian dan kesejahteraan bayi yang baru dilahirkan. Contohnya tidak boleh duduk di hujung kepala bayi kerana takut terkena sawan. Tiada kajian yang dapat membuktikan kebenarannya. Walaubagaimanapun, dari sudut pemikiran logik, kalau kita duduk di hujung kepala bayi, bayi tersebut akan mendongak kerana dia hendak melihat siapa yang ada di situ. Ini

akan menyebabkan bayi berada dalam posisi yang tidak selesa dan mungkin akan memudaratkan kesihatannya sekiranya ia sentiasa berlaku atau berlaku dalam tempoh yang lama. Tembuni bayi hendaklah ditanam di tempat yang selamat untuk mengelakkan daripada dimakan oleh binatang dan perlu dibersihkan sebaik mungkin kerana itulah kawan bayi tersebut sepanjang di dalam perut ibunya. Menurut Afiqah (2009), tembuni bayi adalah teman karib bayi di dalam kandungan di mana ia memainkan peranan penting dalam membekalkan makanan dan oksigen serta membuang sisa-sisa daripada tubuh bayi seperti karbon dioksida dan lain-lain. Sewaktu bayi tidur, tidak elok dikejutkan atau diganggu tidurnya kerana ia boleh mengganggu kesihatan bayi tersebut disebabkan oleh tidak cukup tidur. Tambahan pula ia boleh menjadikan kesihatan ibunya yang tidak cukup rehat kerana menjaga bayi tersebut.

Kesemua pantang larang ini adalah untuk mendidik ibubapa supaya menjaga anak dengan adab-adab yang tertentu. Bayi adalah umpama kain putih dan terserahlah kepada kedua ibubapanya untuk mewarnai kain putih itu. Adalah penting untuk kita mendidik anak-anak dengan sifat-sifat baik dan mempunyai nilai murni sejak dari kecil lagi kerana bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungnya.

2.4 Pantang Larang untuk Kanak-kanak

Anak-anak adalah anugerah Allah yang diamanahkan kepada setiap ibubapa untuk dijaga dan diberi pendidikan rohani dan jasmani yang secukupnya. Ibubapa bertanggungjawab untuk menjadikan anak-anak ini seorang yang berakhhlak mulia, bersopan santun, menghormati orang tua dan sebagainya. Antara pantang larang untuk kanak-kanak ialah dilarang duduk di atas bantal kerana dikhuatiri nanti akan naik bisul, tidak boleh menjelir lidah kerana akan dipotong lidahnya, dilarang mengangkat kaki ketika meniarap kerana dipercayai nanti ibu akan meninggal dunia (Omar, 2014). Kesemua pantang larang ini dilihat mempunyai maksud tersirat dan nilai-nilai murni seperti sopan santun, menghormati dan menjaga kebersihan. Contohnya kanak-kanak di larang duduk di atas bantal kerana bantal adalah tempat kita meletakkan kepala sewaktu tidur. Ianya dianggap kurang sopan sekiranya kita meletakkan punggung kita dia atas bantal yang menjadi alas kepala semasa kita berbaring atau tidur. Begitu juga dengan pantang larang yang lain, adalah tidak enak dipandang orang dan tidak sopan sekiranya kita suka menjelir lidah dan mengangkat kaki ketika meniarap. Menjelir lidah adalah satu perbuatan yang seakan mengejek-ngejek seseorang. Ibubapa harus mengajar anaknya untuk menjaga adab sopan kerana itulah yang akan mencorak peribadi anak-anak itu di masa hadapan.

Mereka juga dilarang makan dalam gelap kerana dikatakan makan dengan iblis, dilarang bermain atau keluar rumah di waktu senja kerana ditakuti akan disorok hantu. Secara logiknya, makan dalam gelap adalah berbahaya kerana dikhuatiri tercekik tulang ikan dan sebagainya. Moral daripada larangan bermain di waktu senja sebenarnya bukan takut disorok hantu, tetapi ia adalah satu bahasa kiasan orang tua-tua dahulu untuk mengajar anak-anak mereka supaya balik ke rumah dan menghormati waktu solat mahgrib dan mengerjakan solat (Ali, 2010). Kanak-kanak juga dilarang bercakap ketika makan kerana dikhuatiri makanan yang dihidangkan tidak habis dan membazir. Bercakap-cakap semasa makan juga boleh dianggap sebagai tidak menghormati orang lain kerana ia mengganggu ketenteraman orang lain yang sedang menikmati makanan (Din dan Sani, 2014).

Menurut Ali (2010), di antara sebab-sebab kenapa orang tua-tua dahulu menegur anak mereka dengan pantang larang dengan menambahkan beberapa kepercayaan ialah untuk menakutkan anak-anak mereka dan supaya si kecil tersebut akur dengan perintah kedua ibubapanya. Malah sudah menjadi sifat semulajadi kanak-kanak, apabila ditegur dan dilarang, semakin dibuatnya kesalahan tersebut. Dipercayai dengan menakutkan kanak-kanak itu, berkemungkinan mereka tidak berani untuk melakukannya kerana takut perkara-perkara tersebut akan berlaku kepada mereka.

2.5 Pantang Larang untuk Anak Dara

Dalam masyarakat Melayu, orang-orang tua dahulu kala telah menggariskan pelbagai jenis pantang larang untuk seorang gadis atau anak dara. Ianya bertujuan untuk memelihara kecantikan jasmani dan rohani seseorang serta untuk mengelakkan sesuatu yang buruk berlaku yang boleh menjelaskan pandangan masyarakat terhadap anak gadis. Antara larangannya ialah dilarang duduk di muka pintu dan bangun lambat kerana dikhawatiri akan lambat bertemu jodohnya, dilarang makan bertindih pinggan ditakuti nanti akan hidup bermadu, dilarang makan beralih tempat kerana dikatakan akan berkahwin ramai, dilarang makan sambil berbaring dan dilarang meletak pinggan di tapak tangan semasa makan kerana dikhawatiri nanti akan merampas suami orang (Abdul Wahab, 2013; Omar, 2014, Din dan Sani, 2014).

Walaupun pelbagai sebab musabab diberikan oleh orang dahulu kala, ianya hanya sekadar keindahan bahasa yang digunakan dan lebih kepada untuk menakutkan anak-anak gadis. Maksud tersirat di sebalik pantang larang ini ialah untuk mendidik anak gadis berakhhlak mulia, bersopan santun dan sentiasa menjaga tatasusila. Contohnya larangan bangun lambat adalah bertujuan untuk melatih anak gadis supaya membiasakan diri bangun lebih awal, menggalakkan mereka menyegerakan solat subuh, menggalakkan mereka supaya bersedia lebih awal untuk keluar rumah mencari rezeki (Karim, 2012). Bangun lambat juga boleh mendatangkan pelbagai penyakit seperti penyakit malas dan kurang berusaha. Omar (2014) menyatakan makan sambil berbaring akan menyukarkan sistem percernaan atau penghadaman makanan. Nilai murni yang ingin disampaikan ialah nilai murni yang berunsurkan kesihatan di mana ketidakselesaan sistem penghadaman boleh menyebabkan sakit perut. Pantang larang ini juga bukan khusus untuk anak gadis sahaja, tetapi juga untuk semua lapisan masyarakat, tidak kira tua atau muda, lelaki atau perempuan.

Anak gadis juga dilarang menjahit di badan kerana dikhawatiri sukar membayar hutang, dilarang memotong kuku dan mencucuk jarum di waktu malam untuk mengelakkan perkara yang tidak elok berlaku, dilarang bercermin di depan cermin yang retak ditakuti akan mendapat wajah yang pucat di malam pertama, dan dilarang memakai baju basah kerana dikhawatiri badan akan naik kurap (Abdul Wahab, 2013; Din dan Sani, 2014; Omar, 2014). Dari segi pemikiran logiknya, semua pantang larang ini adalah untuk mengelakkan daripada berlakunya kecederaan kepada si pelakunya. Ianya bertujuan untuk menggalakkan anak gadis mengamalkan sikap berhati-hati di dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Contohnya sekiranya memotong kuku dan mencucuk jarum di waktu malam mungkin boleh melukakan diri kerana pada zaman dahulu tiada kemudahan elektrik. Bercermin di depan cermin yang retak boleh membahayakan diri kerana ditakuti kita terkena serpihan kaca yang retak itu. Memakai baju basah juga dilihat sebagai sesuatu yang akan menjelaskan kesihatan kerana si pemakainya boleh mendapat demam dan selesema.

Memasak sambil menyanyi di dapur juga adalah salah satu daripada perbuatan yang dilarang dilakukan oleh anak gadis kerana takut nanti akan bersuamikan lelaki tua. Menurut Ali (2010) dan Din dan Sani (2014), di antara moral dan nilai di sebalik larangan tersebut bukan kerana takut bersuamikan orang tua, tetapi adalah tidak sopan dan tidak elok dipandang sekiranya berbuat demikian. Ditakuti bersuamikan orang tua itu hanya sekadar bahasa kiasan yang digunakan dan masyarakat melayu lama memang terkenal dengan ayat-ayat kiasan untuk menunjukkan kesopanan orang-orang melayu kita. Hakikat sebenarnya ialah bila memasak sambil menyanyi mungkin boleh menyebabkan anak gadis tersebut terleka sehingga menyebabkan makanan tersebut hangus atau kurang ramuan. Juga ditakuti masakan tersebut dimasuki tempias air liur anak gadis itu dan boleh menjelaskan kebersihan masakan tersebut.

Secara keseluruhannya, pantang larang untuk anak dara ini bertujuan untuk menjaga adab dan kesantunan sebagai anak dara. Omar (2014) dan Abdul Wahab (2013) menegaskan bahawa pantang larang ini masih wajar diamalkan kerana ia boleh membantu membentuk keperibadian anak gadis masa kini dan membantu mereka menjadi seorang muslimah sejati yang boleh melahirkan generasi yang berakhhlak mulia di masa hadapan.

2.6 Pantang Larang ketika Makan

Dalam menjaga etika dan adab kesopanan, pelbagai pantang larang yang telah diturunkan turun temurun oleh orang-orang tua dahulu kala. Ada sesetengah pantang larang ini tidak relevan lagi untuk diamalkan dan dipengaruhi kepercayaan yang karut. Walaubagaimanapun, ada pantang larang yang dilihat masih patut diamalkan kerana ia mempunyai nilai-nilai murni yang tersirat disebaliknya pantang larang tersebut.

Amalan tidak membasuh pinggan selepas makan dikaitkan dengan kesukaran mendapat menantu dilihat daripada aspek kepentingan menjaga kebersihan untuk menyegerakan membasuh tangan dan pinggan yang digunakan untuk makan. Makan ketika maghrib juga dilarang kerana ditakuti makan bersama hantu. Menurut Omar (2014), pantang larang dipercayai untuk mendidik masyarakat supaya menyegerakan solat maghrib kerana waktu untuk solat maghrib adalah singkat. Waktu makan yang baik ialah makan sebelum pukul tujuh malam kerana ianya bertujuan memudahkan makanan dihadam.

Beberapa pantang larang yang berkaitan dengan adab makan dikaitkan dengan kepercayaan bahawa ia akan memberi kesan kepada kehidupan berkeluarga seseorang itu. Contohnya makan sambil meletakkan pinggan di atas riba boleh menyebabkan suami diambil orang. Makan bertindih pinggan juga dipercayai boleh menyebabkan seseorang itu beristeri dua. Makan dalam pinggan yang sumbing dan retak juga ditakuti boleh menyebabkan anak yang dilahirkan akan menjadi sumbing (Din dan Sani, 2014). Begitu juga makan dalam periuk belanga, ia dipercayai akan menyebabkan seseorang itu mendapat anak yang hodoh. Nilai dan pengajaran yang boleh diperolehi daripada pantang larang ini ialah untuk mengelakkan berlakunya kecederaan kepada anggota badan serta menjaga adab sopan dan tatasusila. Makan dalam pinggan yang retak dan sumbing, dikhawatirinya menyebabkan tangan akan tercedera semasa mengambil makanan. Begitu juga makan dalam periuk belanga, kelakuan tersebut adalah tidak manis dan sopan dipandang oleh orang lain.

Selain dari itu, menurut Omar (2011), seseorang itu adalah dilarang memakan nasi di senduk dan makan sambil duduk mencangkung ditakuti akan menyebabkan seseorang itu sukar mencari rezeki. Makan sambil berlunjur juga dipercayai akan menjadikan seseorang itu pemalas. Ada juga di antara pantang larang yang diturunkan oleh orang tua dahulu kala ditakuti akan memberi kesan kepada kesihatan seseorang itu. Contohnya tidur selepas makan akan menyebabkan perut buncit, makan sambil berjalan akan mengakibatkan seseorang itu mendapat penyakit perut, dan makan telur tembelang akan menyebabkan seseorang itu mendapat penyakit barah. Setelah dinilai dari sudut kebaikan pantang larang ini, ia lebih kepada mengajar seseorang itu supaya sentiasa berlakuan sopan dan menjaga tatasusila.

3. Kesimpulan

Pantang larang masyarakat Melayu adalah pantang larang yang diturunkan secara lisan sejak zaman berzaman lagi. Ianya diwarisi dari satu generasi ke satu generasi. Tujuan utama pantang larang ini diturunkan ialah untuk mendidik masyarakat agar sentiasa menjaga adab dan budaya serta mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Ada di antara pantang larang yang diamalkan oleh masyarakat dahulu kala mungkin berunsur khurafat dan tidak seharusnya diamalkan kerana dikhawatirinya akan menyebabkan adanya unsur-unsur syirik. Walaupun begitu, kebanyakannya pantang larang yang diturunkan turun temurun itu masih relevan untuk diamalkan dalam masyarakat Melayu moden. Ini kerana terdapat banyak pengajaran dan panduan yang boleh diperolehi daripada pantang larang tersebut.

Pelbagai kesan dan akibat yang telah dikatakan akan berlaku sekiranya seseorang itu melanggar pantang larang. Daripada sudut pemikiran logik, ada di antara kesan dan akibat tersebut adalah tidak munasabah akan berlaku. Berdasarkan kajian sejarah, masyarakat Melayu zaman dahulu didapati kurang ilmu pengetahuan. Mereka terpengaruh dengan kepercayaan

animism iaitu kepercayaan bahawa setiap benda seperti batu, kayu dan lain-lain mempunyai semangat atau roh (Din dan Sani, 2014). Disebabkan kepercayaan itulah, maka sesetengah pantang larang itu banyak dikaitkan hantu jembalang, makhluk halus dan sebagainya. Tetapi sebenarnya pantang larang ini lebih bertujuan untuk menakut-nakutkan seseorang itu supaya tidak melanggar pantang larang. Masyarakat Melayu dahulu kala juga bijak dan kreatif menyusun ayat dan perkataan sehingga anak cucu bimbang untuk melanggarnya, malah menurutinya tanpa banyak bicara (Omar, 2014).

Masyarakat Melayu masa kini hendaklah menilai, mengkaji dan menghayati apa yang sebenarnya hendak disampaikan oleh masyarakat terdahulu mengenai pantang larang tersebut. Hasil daripada penelitian menunjukkan pelbagai aspek nilai murni yang ingin disampaikan oleh masyarakat Melayu dahulu kala kepada generasi masa kini. Antara nilai murni tersebut ialah pembentukan akhlak dan peribadi yang baik, menjagaan adab dalam kehidupan seharian, menjaga perhubungan antara sesama makhluk dan yang paling penting ianya bertujuan untuk mendidik masyarakat melayu untuk sentiasa mentaati dan menjalankan tanggungjawab kepada Maha Pencipta. Rentetan itu, semua pantang larang yang terdapat di dalam masyarakat melayu haruslah diperhalusi kerana ianya mengandungi banyak pengajaran yang tersirat di sebaliknya.

Secara kesimpulannya, masyarakat Melayu moden perlu mendalamai dan mengamalkan sesetengah pantang larang yang telah diturunkan secara lisan sejak turun temurun lagi. Sesetengah pantang larang itu masih relevan untuk diamalkan di masa kini kerana ianya mempunyai nilai-nilai murni yang tinggi mutunya dan banyak memberi teladan kepada generasi muda. Kelangsungan meneruskan amalan ini turut bertujuan untuk menjaga adab dan budaya Melayu supaya tidak hilang ditelan zaman.

4. Rujukan

- Abu Afiqah. (2009). *Amalan ketika mengandung & setelah bersalin serta panduan menamakan bayi*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Ani Hj Omar. (2011). *Apresiasi teori kesusateraan melayu*. Perak: Penerbitan Emeritus.
- Ani Hj Omar. (2014). *Pantang larang dalam kalangan melayu: analisis dari perspektif teori SPB4K*. Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu, 7(1), 76-94.
- Bahrum Ali. (2010). *Hikmah daripada pantang larang*. The Brunei Times, 6 Februari 2010.
- Hamidah Abdul Wahab. (2013). Petua dan pantang larang tradisional dalam alam melayu Sarawak. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 1(1), 89-97.
- Husin Fateh Din & Nazariyah Sani. (2014). *Kebudayaan Melayu*. Selangor: Penerbitan Multimedia.
- Kamus Dewan edisi keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nazwan Karim. (2012). *Pantang larang Kitani*. The Brunei Times, 20 Oktober 2012.
- Pantang larang dan sains. Retrieved from <http://www.myhealth.gov.my>.
- Rashiqah Ilmi Abd Rahim. (2009). *Pantang larang melayu*. Berita Harian, 23 Julai 2009.
- Wan Mohd Zahid Mohd Noordin. (2003). *Peranan pendidikan Islam dalam falsafah pendidikan negara*. Dlm Suzalie Mohamed (Ed), *Memahami Isu-isi Pendidikan Islam di Malaysia*. 15-30. Kuala Lumpur: IKIM.